

## Pendaratan ikan kurang di Terengganu

MARANG - Keperluan rakyat Terengganu terhadap ikan sebagai sumber protein utama dianggarkan sekitar 40,000 metrik tan setahun namun nelayan hanya mampu mendaratkan ikan sekitar 21,000 metrik tan dalam tempoh sama.

Exco Pertanian, Industri Asas Tanah dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, antara punca kurangnya pendaratan ikan di Terengganu ialah kerana nelayan negeri ini lebih selesa mendaratkan hasil tangkapan di Tok Bali dan Kuantan.

"Hal ini kerana beberapa sebab berkaitan dengan infrastruktur jeti pendaratan, kedalaman muara sungai dan kemudahan pasaran yang ada di jeti-jeti perikanan Terengganu."

"Hanya Jeti Perikanan Chendering yang sedia dan mempunyai kedalaman mencukupi untuk pendaratan bot laut dalam," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi mengenal pasti isu awal membabitkan kepentingan nelayan di negeri ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, majoriti muara sungai di Terengganu yang mengalami masalah muara cetek turut mendatangkan masalah keluar masuk bot nelayan.

Malah, beliau berkata, bekalan air batu di jeti-jeti perikanan negeri Terengganu juga tidak memenuhi keperluan bot-bot nelayan.

"Di Terengganu juga kita kekurangan bot besar laut dalam. Sekadar bot enjin sangkut tak mampu menyumbang banyak keperluan hasil ikan negeri."

"Ikan dari luar Terengganu yang dihantar ke Terengganu memerlukan kos pengangkutan yang secara langsung akan meningkatkan harga ikan di pasaran," katanya.